



Alam Maritim In The News

Media: Berita Harian

Tarikh: Rabu Mac 18, 2009

METERAI KERJASAMA

ALAM Maritim Resources Bhd menerusi anak syarikat milik penuhnya, Alam Maritim (Sistem M) Sdn Bhd memeterai Heads of Agreement dengan Tenaga OCI Sdn Bhd dan Ombak Laut Sdn Bhd untuk bersama mewujudkan dan menyertai kerja melaksana satu projek pendekatan pesisir pantai yang dianugerah oleh satu kontraktor pemasangan tempatan.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam, Alam Maritim berkata, perjanjian itu dijangka menyumbang secara positif untuk pendapatan dan aset bersihnya untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

"Walau apapun, perjanjian itu adalah tidak dijangka memberi sebarang kesan ke atas modal saham dan struktur pegangan saham AMRB," katanya.